

TR 9:6:72

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN BARU
SYARIKAT UTUSAN MELAYU MALAYSIA BER-
HAD, DI JALAN CHAN SOW LIN, KUALA
LUMPUR PADA 22HB JUN, 1972

Yang Berbahagia Dato Hussein Noordin,¹ Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Y.B. Menteri-Menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurniaNya kerana dapat bersama-sama dengan saudara-saudara pada petang ini untuk menyaksikan kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Syarikat Utusan Melayu—sebuah Syarikat Kebangsaan yang tulin dan ulung di Negara kita ini.

Kita telah bersama-sama mendengar ucapan Pengcrusi Jawatankuasa Pembinaan Bangunan Tambahan Baru Utusan Melayu tentang kemajuan yang telah dicapai oleh bahagian ini. Selepas ucapan ini saya dan rakan saya, Tun Dr. Ismail akan diberi taklimat tentang kemajuan dan rancangan pembangunan Utusan Melayu di masa hadapan. Mengikut berita-berita yang saya dengar Utusan telah mencapai satu kemajuan dan kejayaan yang cemerlang dalam masa lima tahun yang lepas.

Sama ada benar atau tidak berita itu saya akan dapat tahu sedikit masa lagi. Tetapi, kerana yakin kepada berita itu, biarlah saya dahulu-dahulu lagi mengucapkan tahniah kepada pihak Lembaga Pengarah dan Kakitangan Utusan di atas kejayaan-kejayaan yang cemerlang itu.

Sesungguhnya, saya berasa sangat bangga dan megah kerana Lembaga Pengarah Utusan Melayu telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Bangunan Tambahan Baru Utusan Melayu ini. Saya mengucapkan kepada mereka ribuan terima kaseh di atas penghormatan dan keyakinan Pengarah-pengarah terhadap diri saya khasnya, dan kepada Parti dan Kerajaan yang saya pimpin amnya.

¹ Pengarah Urusan Syarikat Utusan Melayu Sdn. Bhd.

Saudara-saudara sekalian,

Pada 30hb Mei lepas, umur Utusan Melayu masuk tiga puluh empat tahun. Sepanjang ingatan saya, belum pernah lagi dalam sejarah persuratkhabaran Melayu. sebuah akhbar Melayu hidup begini lama.

Inilah sejarah yang diukir oleh Utusan Melayu, sebuah perusahaan Melayu yang seratus peratus dikendalikan dan diusahakan sendiri oleh orang-orang Melayu dengan modal yang begitu sedikit. Utusan Melayu diasaskan pada 29hb Mei, 1939, dengan modalnya sebanyak \$12,290. Had ini Utusan Melayu telah berjaya menjadi sebuah perusahaan yang maju dan berkembang hingga modalnya yang dibayar sekarang berjumlah S2.6 juta dan sahamnya yang berharga seringgat satu, mengikut Pasaran Saham M A R A hari ini, berharga, jualan \$1.35 dan belian, \$1.25 satu saham.

Pada tahun 1939, Utusan Melayu dipunyai oleh 542 ahli saham tetapi sekarang ini adalah kepunyaan 7,967 ahli-ahli saham yang tinggal di seluruh pelusuk Malaysia termasuk juga yang tinggal di Singapura.

Maka menjadi tanggungjawab saudara-saudara yang mewarisi pusaka ini daripada penaja-penaja dan pangasas-pengasas Syarikat ini yang sekarang menjadi pusaka orang-orang Melayu, menjaga supaya perusahaan ini kekal menjadi satu institusi, satu lambang kebolehan dan kemampuan, anak-anak Melayu untuk berdikari.

Saya suka menegaskan pada hari ini rahsia kemajuan dan perkembangan Utusan Melayu dari dahulu hingga sekarang yang saya fikir patut sangat diketahui oleh rakyat Negara ini khasnya orang-orang Melayu.

Rahsia itu ialah ketabahan hati untuk berdiri atas kaki sendiri, semangat pengorbanan untuk berjasa kepada bangsa, tanah air dan ugama, kegigihan untuk mengatasi tiap-tiap rintangan kerana hendak menunjukkan kepada dunia bahawa bangsa Melayu juga mampu menjalankan perusahaannya sendiri dengan tenaganya sendiri.

Saya yakin kalaulah tidak dengan semangat ini, Syarikat Utusan Melayu tidak dapat berdiri dengan megahnya pada hari ini, bahawa Syarikat ini tidak berkembang dari sebuah bangunan kedai

tiga tingkat di Queen Street dan kemudiannya di Cecil Street di Singapura hingga menjadi satu industri yang menjadi kemegahan kita sekalian.

Tiap-tiap institusi mempunyai sejarahnya sendiri, baik ia parti politik seperti UMNO atau pun sebuah perusahaan seperti Utusan Melayu. Saya tidaklah pada hari ini hendak menghuraikan sejarah itu tetapi biarlah saya tegaskan di sini bahawa Utusan Melayu lahir dari semangat kebangsaan orang-orang Melayu dan ia tegak berdiri sekarang hanya setelah ia melalui bermacam-macam dugaan dan ujian, berbagai-bagai rintangan, halangan dan setelah ia mengalami berbagai kepayahan dan kesulitan yang wujud sendiri atau yang diadakan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu, baik dari dalam atau luar.

Utusan Melayu tidak tegak berdiri secara tiba-tiba dan secara mendadak begitu sahaja. Zaman-zaman permulaannya ialah zaman-zaman yang penuh dengan derita, penuh dengan kepayahan dan penuh pengorbanan tiap-tiap pekerjaannya.

Saudara-saudara sekalian,

Inilah yang patut selalu menjadi ingatan dan kesedaran tiap-tiap pekerjaannya sekarang dari Dato' Hussein di atas ke serendah-rendahnya dan kerana Utusan Melayu telah melalui zaman-zaman yang pahit dan maung, yang pedih dan pilu, maka ia tentulah mempunyai satu sejarah yang gilang gemilang.

Sejarah inilah yang mesti dipertahankan dan dipelihara baik-baik oleh saudara-saudara sekarang dan mereka yang akan berkhidmat dengan Utusan Melayu di masa-masa hadapan.

Sejarah itu terjalin erat dengan perjuangan kita untuk menebus kemunduran kita untuk mencapai kemerdekaan, untuk menjadi satu bangsa yang bermaruah dan dihormati oleh dunia.

Tradisi itu bersambung sekarang kerana kita masih dalam perjuangan hendak mengisi kemerdekaan dan kedaulatan kita. Nasionalism yang mendorong penaja-penaja dan pengasas-pengasas Utusan Melayu dahulu hendaknya mendorong saudara-saudara dalam menunaikan tugas dan kewajipan saudara-saudara sekarang dan di masa akan datang.

Pada masa dahulu, kita belum merdeka; kalau kita hendak maju, kita mesti bekerja dan berusaha dengan tenaganya sendiri.

Tidak ada siapa pun yang mahu menolong kerana tidak ada siapa yang boleh menolong. Dengan yang demikian, terpaksa mereka bekerja lebih kuat, lebih gigih dan lebih tekun.

Muga-muga sejarah Utusan Melayu ini akan memberi perangsang dan dorongan kepada perusahaan-perusahaan orang Melayu dalam bidang-bidang lain. Perusahaan-perusahaan Bumiputra yang lain hendaklah dijayakan kerana kejayaan dan kemajuan yang dicapai akan mencerminkan pelaksanaan yang jaya bagi Dasar-dasar Kerajaan Perikatan untuk menolong mereka yang miskin dan daif.

Saudara semua, khasnya Ahli-ahli Peraiagaan, Bankers Pengusaha Melayu seperti Tengku Razaleigh atau "mini capitalist" seperti Wan Hamid, hendaklah menjaminkan yang perusahaan-perusahaan dan perniagaan-perniagaan Bumiputra maju, berkembang dan sentiasa dapat kejayaan. Inilah sebesar-besar sumbangan, kerjasama dan khidmat saudara-saudara dan pemimpin-pemimpin Bumiputra, kepada Kerajaan dan kepada perkembangan ekonomi dan perpaduan Negara.

Dengan kejayaan seperti yang diharap itu maka tercapailah cita-cita Kerajaan memberi tempat yang sempurna dalam perekonomian Negara kepada rakyat Bumiputra. Selain daripada peranan Kerajaan, saudara-saudara dan rakyat Bumiputra sendiri mestilah menyahut cabaran-cabaran pihak Kerajaan dengan jujur dan dinamis kerana tanpa perkongsian tenaga dan tindakan positif dari ketiga pihak yang terlibat nescaya kita tidak akan dapat mengisi Dasar Ekonomi Baru kita.

Saudara-saudara sekalian.

Sekarang keadaan telah berubah. Kita sudah merdeka dan berdaulat. Tetapi kita masih terpaksa berjuang kerana walau pun kita telah merdeka. masalah kita, masalah melenyapkan jurang ekonomi yang membezakan rakyat dalam bandar dengan rakyat luar bandar belum selesai lagi.

Dengan perubahan ini bererti pula peranan suratkhbar hams berubah harus disesuaikan dengan keadaan. Tetapi, satu hakikat tidak berubah, iaitu hakikat bahawa tiap seorang dari kita, mestilah bekerja dengan amanah, dengan tekad yang bulat dengan semangat yang gigih mahu memajukan diri kita, perusahaan kita bangsa dan Negara kita.

Satu hakikat lain ialah peranan Utusan Melayu masih tetap sebagai lidah umat Melayu tetapi dalam konteks yang baru. Dalam zaman kita sedang membentuk satu bangsa yang bersatu padu, dalam zaman kita sedang menumpukan semangat cintakan sains dan teknologi. Peranan surat khabar terutama sekali surat khabar seperti Utusan Melayu, amatlah penting sekali.

Utusan Melayu mestilah ikut mempelupuri perjuangan mencapai cita-cita ini, iaitu bersama-sama mendidik dan membentuk jiwa dan pandangan hidup baharu di kalangan masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Nasional amnya, bersama-sama ikut berusaha membentuk satu masyarakat baharu yang cintakan sains dan teknologi, satu bangsa yang terjalin erat dengan semangat Rukunegara, satu masyarakat yang dinamis dan progresif.

Ini bererti mereka yang mengendalikan Utusan Melayu mestilah mengerti dan memahami tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dalam konteks yang baharu ini. Saudara-saudara tidaklah diminta berkorban lebih daripada yang patut. Tetapi apa yang diminta dan diharapkan sangat dari saudara-saudara ialah pengertian dan kesedaran yang penuh terhadap tanggungjawab dan kewajipan saudara-saudara dalam zaman yang kita sedang hadapi sekarang dan di masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Inilah yang patut menjadi pegangan saudara-saudara sekarang, iaitu menjadikan Utusan Melayu dan Kumpulan Akhbar-akhbar dan penerbitan-penerbitannya pelupur perjuangan mengubah fikiran dan pandangan hidup umat Melayu yang tradisional kepada pandangan hidup yang moden, mempelupuri perjuangan menjamin perpaduan dan persatuan antara berbagai-bagai kaum dan golongan dalam masyarakat berdasarkan semangat Rukunegara.

Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara ialah asas untuk kita membangun satu zaman baharu untuk bangsa dan negara kita di masa hadapan. Inilah insurance, inilah benteng, untuk menghadapi cabaran-cabaran sekarang dan di masa hadapan.

Dalam menghadapi challenges ini, kita memerlukan pengembelian tiap tenaga—pimpinan politik, kebudayaan sosial, pakar-pakar ekonomi, buruh dan petani dan tidak kurang pentingnya kaum wartawan dan kaum penulis.

Wartawan-wartawan termasuklah Wartawan Melayu, berada dalam keadaan yang "unique" kerana mereka ialah golongan yang paling banyak memerlukan dorongan untuk mencapai kemajuan dan mereka boleh mendorong masyarakat untuk bercita-cita tinggi dan menterjemahkan hasrat rakyat menjadi kenyataan. Maka wartawan haruslah memegang peranan sebagai pembimbing, sebagai pendorong selain daripada menjadi pejuang dan pentafsir zamannya.

Saudara-saudara sekalian,

Saya berdoa kepada Allah mudah-mudahan Allah cucurkan kemajuan yang lebih gilang gemilang lagi kepada Utusan Melayu pada tahun-tahun ke hadapan dan juga kepada bangsa dan negara kita.

Dengan doa dan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Bangunan Tambahan Baru Utusan Melayu ini.